

28 JUN 2000

OIC-Mindanao/I

OIC DAN ASEAN PERLU LEBIH TEGAS DALAM ISU MINDANAO

KUALA LUMPUR, 28 Jun (Bernama) -- Sekumpulan badan bukan kerajaan (NGO) dan parti-parti politik di Malaysia hari ini menyeru masyarakat antarabangsa khususnya Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan ASEAN supaya lebih tegas dalam menyelesaikan isu Moro di selatan Filipina yang belum ada penyelesaian berkesan.

Seorang jurucakap bagi kumpulan itu Dr Mohd Hatta Md Ramli berkata, seperti tekanan yang dikenakan oleh negara-negara serantau terhadap Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) untuk menyelesaikan isu Timor Timur tahun lepas, perkara yang sama perlu dilakukan bagi Moro.

OIC telah memainkan peranan dalam membantu mengurangkan kesengsaraan penduduk Moro di Mindanao tetapi usaha konkrit perlu diambil termasuk negara-negara di rantau melalui Asean, kata beliau di persidangan berita bersama bagi pihak 21 pertubuhan bukan kerajaan dan parti-parti politik.

Beliau berkata, perjuangan bangsa Moro adalah sah kerana mereka ditindas untuk beratus-ratus tahun sejak ia dijajah dan PBB hanya boleh mengambil tindakan jika ada tekanan daripada negara-negara serantau yang terbabit.

Persidangan berita itu diadakan sempena sesi ke 27 persidangan Menteri Luar Negara-negara Islam (ICFM) di sini. Dr Hatta ialah anggota jawatankuasa pusat parti PAS.

Satu kenyataan bersama yang ditujukan kepada Setiausaha Agung OIC Prof Dr Azeddin Laraki yang diedarkan dalam persidangan berita itu menyeru OIC memainkan peranan mengelola dan memulakan rundingan antara kerajaan Filipina dan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) di negara ketiga.

Antara lain, kenyataan itu juga meminta OIC untuk memberi tekanan kepada kerajaan Filipina supaya tidak menggunakan insiden penculikan oleh kumpulan Abu Sayyaf sebagai alasan untuk menyerang MILF.

Kumpulan NGO itu berkata, perkumpulan Islam itu juga harus mendesak kerajaan Filipina untuk mempertingkatkan bantuan dan pemulihan bagi penduduk di wilayah itu yang terjejas kerana konflik di Mindanao itu.

NGO dan parti-parti politik yang memperakui kenyataan itu termasuk Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Institut Penyelidikan Sosiologi Malaysia (MSRI), PAS dan Keadilan.

Mesyuarat empat hari itu dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam. Kuala Lumpur menjadi tuan rumah ICFM, bagi kali kedua dengan kali pertama pada 1974.

-- BERNAMA

GM PR